

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN
[PAPAR]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 162

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang sudah diturunkan ke Sabah untuk tujuan pembaikan/ pembinaan baru sekolah-sekolah daif yang banyak di Sabah. Kementerian mesti melihat perkara ini sebagai keutamaan supaya ia dapat diselesaikan dengan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM552.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk pelaksanaan projek daif tahun 2018, sebanyak 120 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM429.741 juta. Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 45 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula tiga (3) buah sekolah daif di Sabah iaitu:

1. Sekolah Kebangsaan Sungai-Sungai
2. Sekolah Kebangsaan Nibang, Pitas
3. Sekolah Kebangsaan Tiong Wido, Tambunan

Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka. Projek-projek ini dalam peringkat pelaksanaan dokumen tender untuk perolehan.

Selain daripada itu, KPM telahpun menyalurkan peruntukan untuk penyelenggaraan/pembaikan sekolah ke Negeri Sabah secara berperingkat berdasarkan skala kerosakan dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh Jabatan/ Bahagian/ Institusi/ Jabatan Kerja Raya bagi membolehkan kerosakan-kerosakan kritikal pada bangunan dan infrastruktur ditangani. Peruntukan yang telah disalurkan untuk penyelenggaraan/pembaikan sekolah-sekolah di Negeri Sabah adalah sebanyak **RM10,097,977.00** bagi tahun 2017 dan **RM8,397,849.16** bagi tahun 2018. Manakala sehingga Mei 2019, KPM telah menyalurkan sebanyak **RM19,519,603.36** peruntukan penyelenggaraan/pembaikan kepada negeri Sabah.

NO. SOALAN: 162

Pada masa yang sama, Kementerian juga telah mengemukakan senarai penyelenggaraan / pembaikan bagi 61 buah sekolah di Negeri Sabah untuk pertimbangan pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2019 yang melibatkan kos penyelenggaraan sebanyak 29.6 juta.

Sekian, terima kasih.

RJM 43